

Tukar agama pelajar: Hindu Sangam mahu jumpa PM
Malaysiakini.com
September 15,2011

Pertubuhan Hindu Sangam Malaysia (MHS) membidas dakwaan pembabitkan kakitangan sebuah kolej tempatan di Perlis yang bersama-sama anggota Jabatan Agama Islam Perlis (JAIP) mengislamkan pelajar India di negeri itu.

Dalam satu kenyataan media semalam, presiden MHS RS Mohan Shah melahirkan rasa terkejutnya bahawa tiga pensyarah kolej berkenaan didakwa berperanan mengislamkan seorang pelajar perempuan, apabila tugas hakiki mereka adalah untuk mengajar.

"Ini amat mengecewakan, bagi ahli-ahli kakitangan akademik terlibat dalam penukaran agama pelajar apabila mereka sepatutnya menjaga kepentingan agama, budaya dan sosial pelajar-pelajar mereka untuk memastikan perpaduan, keamanan dan keharmonian di kalangan pelajar dalam berbilang kaum di institusi pendidikan tinggi," kata Mohan Shah.

Pensyarah dan anggota JAIP "tidak mematuhi undang-undang," katanya.

"MHS memandang serius kejadian ini dan akan melanjutkan perkara ini kepada perhatian menteri pendidikan tinggi dan juga perdana menteri untuk tindakan sewajarnya," kata Mohan Shah.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/175863>